

SISTEM BAHASA 1 PT3

Disediakan oleh Cikgu Rozita

BAHAGIAN A

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling tepat.

1. Encik Alif yang baru berpindah sedang _____ barang-barang dari lori.
a. memuat
b. mengubah
c. memungut
d. memungghah
2. Banglo Encik Amirul yang cantik dan besar itu membuatkan penduduk di situ ingin _____ kawasan rumahnya.
a. mewarisi
b. mendiami
c. mendekati
d. memasuki
3. Layang-layang yang _____ tali itu telah jatuh ke tengah bendang.
a. terbang
b. terputus
c. tercabut
d. tertanggal
4. Puan Balqis terpaksa _____ kereta mewahnya kepada pihak bank untuk membiayai perniagaannya.
a. menawarkan
b. menyewakan
c. mencagarkan
d. memberikan
5. Aimi terpaksa menggunakan pisau yang tajam untuk memotong daging yang _____ itu.
a. kenyal
b. mampat
c. gebu
d. keras
6. Pemain bola sepak yang _____ itu berasal dari Pulau Pinang.
a. lincah
b. cergas
c. licik
d. tangkas
7. Pokok bunga itu kelihatan _____ kerana tidak dibubuh baja.
a. pendek
b. rendah
c. renek
d. layu
8. Datuk Anas tidak dapat mengecam wajah penceroboh rumahnya kerana pada malam itu _____.
a. kucar-kacir
b. sunyi-sepi
c. kelam-kabut
d. gelap-gelita
9. Pasangan dari timur tengah itu memakai pakaian ala _____.
a. kecinaan
b. kearaban
c. kebaratan
d. kemelayuan
10. Jadual peperiksaan telah ditampal _____ papan notis kelas.
a. di
b. atas
c. pada
d. dekat
11. _____ kepentingan penduduk di sini, marilah kita menyelesaikan masalah ini dengan cara bermuafakat.
a. Bagi
b. Demi
c. Untuk
d. Tentang
12. Dania membeli dua _____ jagung bakar di pasar malam.
a. biji
b. ketul
c. cawan
d. tongkol

13. Luqman menerima se ____ ijazah sempena hari konvokesyen pada minggu lalu.
a. helai
b. keping
c. gelung
d. segulung
14. ____ Irdina belajar berhasil apabila mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan.
a. Suka duka
b. Jerih perih
c. pahit getir
d. Susah senang
15. Polis akan melakukan ____ terhadap Neelofa dan suaminya yang dikatakan merentas negeri ke Nilai untuk membeli permaidani.
a. soal jawab
b. soal siasat
c. soal selidik
d. maklum balas
16. Calon itu ____ masuk ke dewan kerana peperiksaan PT3 telah dimulakan.
a. terkial-kial
b. terketar-ketar
c. terkocoh-kocoh
d. termengah-mengah
17. Kedengaran ____ suara orang meminta tolong ketika Qaish melalui lorong itu.
a. jauh-jauh
b. jelas-jelas
c. sayup-sayup
d. samar-samar
18. Ayah Faris ____ adiknya yang baru berusia empat bulan itu supaya ketawa.
a. mengacah-acah
b. mengagah-agah
c. mengusap-usap
d. menepuk-nepuk
19. Masih ____ di ingatannya peristiwa pahit yang berlaku sedekad yang lalu.
a. termimpi-mimpi
b. terdengar-dengar
c. terngiang-ngiang
d. terbayang-bayang
20. ____ di rumah usang itu masih kukuh walaupun telah lama tidak berpenghuni.
a. Tetupai
b. Kekuda
c. Lelabah
d. Bebenang
21. Dia ____ apabila melihat mayat anaknya yang terputus kaki akibat kemalangan itu.
a. menjerit-jerit
b. meronta-ronta
c. meraung-raung
d. melaung-laung
22. Zakwan mencari rumah rakannya ____ alamat yang diberikan oleh Mona.
a. berasaskan
b. berdasarkan
c. berpanduan
d. berlandaskan
23. Tabiat Daniel yang suka ____ cakap orang lain tidak disenangi ibu bapanya.
a. memintal
b. memangkas
c. memintas
d. memangkah
24. Makanan yang terhidang di atas meja itu tidak ____ dimakannya kerana Danish kehilangan deria rasa akibat demam.
a. luak
b. cuak
c. mual
d. muak
25. Pekerja MPSP sedang ____ pokok-pokok yang hendak ditebang dengan cat.
a. menebas
b. mencantas
c. memangkas
d. memangkah

